

**UNIT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSANIAH**  
**PUSAT PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR (P3P)**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
Kampus Alam Pauh Putra  
04-9414434

---

**“MEMORANDUM”**

Tarikh : **1 OKTOBER 2022**  
Kepada : **SEMUA PTJ / KELAB DAN PERSATUAN PELAJAR**

**SALAM ILMU | KEIKHLASAN | KECEMERLANGAN**

**MAKLUMAN PROGRAM DIKTIRAF PILLARS**

Adalah dimaklumkan bahawa Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P) telah menerima permohonan program diiktiraf Pillars daripada pelbagai PTJ dan Kelab Persatuan Pelajar. Oleh yang demikian beberapa kemaskini telah dilakukan oleh Unit Pembangunan Kemahiran Insaniah berkenaan Garis Panduan Permohonan Program Diiktiraf Pillars.

Pihak P3P memohon semua PTJ dan Kelab Persatuan Pelajar yang memohon program untuk diiktiraf Pillars dapat mengikut Garis Panduan yang diberikan oleh Unit Pembangunan Kemahiran Insaniah & Keusahawanan Pelajar. Berikut beberapa justifikasi setiap PTJ dan Kelab Persatuan Pelajar perlu mengikut garis panduan yang disertakan.

1. Setiap permohonan yang diluluskan akan disertakan Komponen Pillars mengikut kursus-kursus yang ditentukan. Oleh yang demikian semua permohonan perlu disertakan kertas kerja/atur cara atau poster program. Bagi mana-mana PTJ yang tidak mempunyai kertas kerja perlu mengisi Borang Maklumat Program (Lampiran A).
2. Penglibatan pelajar mengikut tahun pengajian bersesuaian dengan kehadiran Pillars yang dinyatakan di dalam kelulusan Pillars.
3. Hebahan yang jelas terhadap kehadiran pelajar berdasarkan tahun pengajian selaras dengan kehadiran Pillars mengikut Komponen kursus/aktiviti yang telah dinyatakan dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.
4. Pemohon perlu memohon awal setiap program yang akan diadakan selewat-lewatnya 3 hari sebelum program berdasarkan sebab-sebab yang munasabah. Penganjur tidak dibenarkan memberikan hebahan Program berkenaan diiktiraf pillars sehingga setiap program mendapatkan no siri pillars. Hal ini untuk mengelakkan penglibatan pelajar mengikut tahun pengajian tidak tersasar seperti sebelum ini dan kesesuaian program pillars mengikut komponen.
5. Setiap permohonan perlu disertakan borang permohonan dan perlu mengisi laporan program apabila selesai program. Ini adalah untuk mengelakkan aduan pelajar yang seringkali menyatakan kehadiran program berkenaan tetapi tidak direkodkan sebagai program Pillars.

Oleh yang demikian pihak Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar memohon semua PTJ dan Kelab Persatuan Pelajar dapat mengikut Garis Panduan yang telah ditetapkan bagi memudahkan semakan kehadiran Pillars dan penetapan program-program Pillars. Kerjasama dan Perhatian tuan/puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

### GARIS PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM IKTIRAF SEBAGAI PILLARS

1. Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P) mengalu-alukan semua PTJ UniMAP, Kelab dan Persatuan Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Majlis Penghuni Kolej-kolej Kediaman untuk mengadakan program-program universiti untuk diiktiraf Pillars.
2. Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Program Diiktiraf Pillars (P3P/K. I/PILLARS V5\_2022) selewat-lewatnya 2 minggu sebelum program berlangsung. Walau bagaimanapun jika terdapat beberapa kekangan pemohon boleh memohon selewat-lewatnya 3 hari sebelum program dijalankan dan perlu mengisi sebab kelewatan menghantar borang berkenaan. **Permohonan selepas program TIDAK DIBENARKAN.**
3. Pemohon perlu melampirkan kertas kerja yang diluluskan oleh PTJ atau universiti. Jika program berkenaan tidak mempunyai kertas kerja pemohon perlu mengisi Maklumat Program (Lampiran A) dan perlu dilampirkan bersama-sama Borang Permohonan Program Diiktiraf Pillars (P3P/K. I/PILLARS V5\_2022). Borang boleh didapati di Laman Web Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (<https://p3p.unimap.edu.my/>).
4. Sebarang permohonan perlu mendapat sokongan Tim. Dekan HEPA Fakulti, Penasihat Kelab/ badan Pelajar atau Ketua PTJ UniMAP.
5. Pemohon akan dimaklumkan kelulusan awal melalui emel atau whatsapp kepada pemohon sebelum emel rasmi dihantar kepada pemohon.
6. Pengkelasan Pillars adalah dibawah Unit Pembangunan Kemahiran Insaniah berdasarkan Kompenan Pillars yang diluluskan oleh ahli mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.
7. Penganjur perlu menghantar laporan program besertakan senarai nama pelajar di dalam *link* laporan yang akan disertakan di dalam emel maklum balas.
8. Sebarang kemas kini senarai nama pelajar ke dalam sistem pillars adalah sebulan selepas pihak Unit Pembangunan Kemahiran Insaniah menerima laporan program.
9. Sebarang hebahan program Pillars dan tempahan pengangkutan melalui Unit Pembangunan Kemahiran Insaniah perlu dilakukan 7 hari sebelum program berlangsung. Walau bagaimanapun penganjur boleh membuat hebahan sendiri selepas mendapat kelulusan program berkenaan (program pillars).
10. Pemohon yang ingin menghantar borang permohonan melalui emel perlu *scan* borang berkenaan dan diemelkan kepada kakitangan Unit Pembangunan Kemahiran Insaniah atau serahan tangan di Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar (P3P).
11. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi En. Budiman Ikhwandee Fadzilah di talian 0125616207 (emel : [ikhwandee@unimap.edu.my](mailto:ikhwandee@unimap.edu.my)) atau Pn. Shahrulni Liza Husin di talian 0135081903 (emel: [liza@unimap.edu.my](mailto:liza@unimap.edu.my)) atau 049414434.

Disediakan Oleh:

**Unit Pembangunan Kemahiran Insaniah**  
**1 Oktober 2022**

 <p><b>UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS</b></p>	<p><b>UNIT KEMAHIRAN INSANIAH PUSAT PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR (P3P) UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS</b></p>
--	---

**BORANG PERMOHONAN IKTIRAF PROGRAM SEBAGAI PILLARS**

**1. BUTIRAN PEMOHON**

Nama : \_\_\_\_\_  
 Jawatan : \_\_\_\_\_  
 PPK/PTJ : \_\_\_\_\_  
 No. H/P : \_\_\_\_\_ Emel : \_\_\_\_\_

**2. BUTIRAN PROGRAM YANG INGIN DIKTIRAF SEBAGAI PILLARS**

2.1 Nama Program : \_\_\_\_\_  
 2.2 Tarikh : \_\_\_\_\_ Masa : \_\_\_\_\_  
 2.3 Tunjuk sebab kurang 2 minggu : \_\_\_\_\_  
 2.4 Tempat : \_\_\_\_\_ 2.5 Bil. Peserta : \_\_\_\_\_  
 2.6 Hebahan kepada Pelajar : Perlu / Tidak (Potong Yang Tidak Berkenaan)  
 2.7 Pengangkutan Pelajar : Perlu / Tidak (Potong Yang Tidak Berkenaan)

**3. PENGESAHAN / KELULUSAN DARIPADA KETUA JABATAN/ TIMBALAN DEKAN (HEPA) PEMOHON**

Catatan : \_\_\_\_\_ Kelulusan oleh : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 Tarikh : \_\_\_\_\_ Ketua Jabatan/ TD HEPA

**4. SEMAKAN UNIT KEMAHIRAN INSANIAH, PUSAT PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR (P3P)**

- a. Borang permohonan lengkap – Terima sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum tarikh program   
 Jika tidak mencukupi 2 minggu : \_\_\_\_\_  
 b. Kertas kerja penganjuran program   
 c. Pengesahan dari Ketua Jabatan / Timbalan Dekan (HEPA) pemohon   
 d. Permohonan untuk iktiraf program tersebut sebagai PILLARS adalah:

Catatan : \_\_\_\_\_

**DISOKONG / TIDAK DISOKONG**

**NO. SIRI PILLARS :**

**Disemak oleh:** \_\_\_\_\_

**5. KELULUSAN PENGARAH (PUSAT PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR (P3P)**

Permohonan untuk iktiraf program tersebut sebagai PILLARS adalah: **DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN**

Catatan : \_\_\_\_\_ Kelulusan oleh : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_ **PENGARAH**

 <p>UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS</p>	<p><b>UNIT KEMAHIRAN INSANIAH</b> <b>PUSAT PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN PELAJAR (P3P)</b> <b>UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS</b></p>
---	---

## MAKLUMAT PROGRAM

1. BUTIRAN PROGRAM

- 2.1 Nama Program : \_\_\_\_\_
- 2.2 Tarikh : \_\_\_\_\_ Masa : \_\_\_\_\_
- 2.3 Tempat : \_\_\_\_\_
- 2.4 Bilangan Peserta : \_\_\_\_\_

2. MAKLUMAT PROGRAM

2.1 Latar Belakang Program :

---



---



---



---

2.2 Objektif Program :

- a) \_\_\_\_\_
- b) \_\_\_\_\_
- c) \_\_\_\_\_
- d) \_\_\_\_\_

2.3 Pengisian Program :

- a) \_\_\_\_\_
- b) \_\_\_\_\_
- c) \_\_\_\_\_
- d) \_\_\_\_\_

DISEDIAKAN OLEH:

DISAHKAN OLEH (KETUA JABATAN/TD HEPA):

.....

**NAMA:**  
**JAWATAN:**

.....

**NAMA:**  
**JAWATAN:**